Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2024, Volume 9, Issue 7, e002832
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i7.2832

RESEARCH ARTICLE

Meneliti Perspektif Pelatih Tentang Program-Program Pemulihan di Sekolah Tunas Bakti

(Examining Trainers' Perspectives on Rehabilitation Programs at Sekolah Tunas Bakti)

Noor Azizah Ahmad[1], Nabisah Ibrahim[2*], Aina Nasiha Mohd Masri[3]

[1]Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia, 06010, Sintok, Kedah, Malaysia.
Email: noor1149@uum.edu.my
[2]Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia, 06010, Sintok, Kedah, Malaysia.
Email: nabisah@uum.edu.my
[3]Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia, 06010, Sintok, Kedah, Malaysia.
Email: ainanasihamohdmasri@gmail.com

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Nabisah Ibrahim
(nabisah@uum.edu.my)

KATA KUNCI:
Program pemulihan
Sekolah Tunas Bakti
Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia

KEYWORDS:
Rehabilitation program
Sekolah Tunas Bakti
Welfare Department of Malaysia

CITATION:
Noor Azizah Ahmad, Nabisah Ibrahim, & Aina Nasiha Mohd Masri. (2024). Meneliti Perspektif Pelatih Tentang Program-Program Pemulihan di Sekolah Tunas Bakti. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 9*(7), e002832. https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i7.2832

ABSTRAK

Media sering melaporkan tentang masalah sosial dan keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja. Masalah yang melibatkan remaja merangkumi hubungan seks luar nikah, ketagihan dadah, pengedaran dadah, mencederakan orang, merogol, samun, mencuri motosikal dan pecah rumah. Laporan statistik oleh pihak polis mendapati perlakuan jenayah ini melibatkan ramai remaja dalam usia 13 hingga 18 tahun. Sekiranya didapati bersalah, Mahkamah bagi Kanak-kanak boleh mengeluarkan perintah di bawah Akta Kanak-kanak 2001 (Pindaan 2016) atau Akta Mahkamah Juvana 1947, untuk menempatkan kanak-kanak tersebut di institusi bagi menjalani pemulihan bagi tempoh satu hingga tiga tahun. Di Malaysia, terdapat beberapa jenis institusi pemulihan iaitu Asrama Akhlak dan Sekolah Tunas Bakti di bawah kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, manakala Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Integriti di bawah kelolaan Jabatan Penjara Malaysia. Selaras dengan itu, tujuan penulisan artikel ini adalah untuk menghuraikan pandangan pelatih-pelatih (merujuk kepada remaja yang sedang berada di institusi) tentang program-program pemulihan yang sedang mereka jalani. Penulisan dibuat berasaskan temubual berstruktur yang dijalankan ke atas enam orang informan kajian di salah sebuah Sekolah Tunas Bakti di utara Semenanjung Malaysia. Secara umumnya, semua informan menyatakan mereka tertarik dan gembira mengikuti Program Keagamaan dan Program Kemahiran Latihan Vokasional. Namun, terdapat informan kajian memaklumkan perlaksanaan Program Bimbingan dan Kaunseling agak kurang menyeronokkan kerana mereka hanya mendengar tanpa ada aktiviti yang perlu dilakukan.

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

ABSTRACT

The media frequently reports on social issues and moral decline among teenagers. The problems involving teenagers include premarital sex, drug addiction, drug distribution, assault, rape, robbery, motorcycle theft, and burglary. Statistical reports by the police have found that these criminal behaviors involve many teenagers aged 13 to 18 years old. If found guilty, the Juvenile Court may issue orders under the Children Act 2001 (Amendment 2016) or the Juvenile Courts Act 1947, to place the children in institutions for rehabilitation for a period of one to three years. In Malaysia, there are several types of rehabilitation institutions, such as Asrama Akhlak and Sekolah Tunas Bakti, managed by the Department of Social Welfare Malaysia, while Sekolah Henry Gurney and Sekolah Integriti are managed by the Malaysian Prison Department. In line with this, the purpose of writing this article is to describe the views of the trainees (referring to the teenagers currently in the institutions) about the rehabilitation programs they are undergoing. The writing is based on structured interviews conducted with six informants at one of the Sekolah Tunas Bakti in the northern region of Peninsular Malaysia. Generally, all informants expressed that they were interested in and happy with the Religious Programs and Vocational Training Skills Programs. However, some informants reported that the implementation of the Guidance and Counseling Program was less enjoyable because they only listened without engaging in any activities.

Sumbangan/Keaslian: Sumbangan utama kajian ini adalah daripada segi cadangan penambahbaikan program pemulihan bagi meningkatkan mutu program yang dijalankan khususnya bagi program perkhidmatan kaunseling di Sekolah Tunas Bakti. Selain itu, kajian ini turut menyumbang kepada penemuan baharu literatur kualitatif dalam bidang pemulihan di Malaysia.

1. Pengenalan

Penglibatan remaja dalam masalah sosial dan jenayah bukan lagi merupakan perkara asing Malaysia. Apa yang membimbangkan ialah magnitud perlakuan jenayah remaja ini telah semakin meningkat berbanding dengan perlakuan terdahulu yang melibatkan kes-kes seperti merokok, vandalism, dan ponteng sekolah. Di Johor contohnya, pada Januari hingga Oktober 2020 didapati terdapat sebanyak 538 kes dilaporkan melibatkan kesalahan remaja terutama mereka yang masih bersekolah dan berusia di antara 13-18 tahun (Mohd Faizal, 2020). Di antara jenis kesalahan yang dilakukan ialah mencuri, mencederakan orang, menagih dan mengedar dadah, pecah rumah dan hubungan seks luar nikah. Di Pulau Pinang, statistik jenayah indek yang dikeluarkan oleh pihak polis menunjukkan kes jenayah rogol melibatkan remaja dari Julai 2021 sehingga November adalah 77 kes dari keseluruhan 90 kes (Astro Awani, 2022). Agak membimbangkan ketika ini ialah peningkatan remaja dalam kes jenayah seksual. Statistik menunjukkan terdapat sebanyak 155 kes jenayah melibatkan remaja yang bersekolah bagi tempoh Januari hingga April 2023 (Mohamad Hisyamuddin, 2023). Keadaan yang sama juga berlaku di Kelantan, di mana data menunjukan kes jenayah rogol melibatkan remaja bawah 18 tahun adalah

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

sebanyak 42 kes, dan jenayah seksual adalah sebanyak 84 kes dari Januari hingga Jun 2023 (Harapan Daily, 2023). Walaupun hubungan seks yang berlaku mungkin disebabkan faktor suka sama suka, namun kes boleh diklasifikasikan sebagai jenayah kerana mereka di bawah umur. Situasi ini dilihat membimbangkan kerana ia melibatkan remaja seawal usia 12 dan 13 tahun.

Hasil Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS), oleh Institut Kesihatan Awam, Kementerian Kesihatan Malaysia pada 2022 mendapati seramai 60,000 orang remaja terlibat dalam masalah penyalahgunaan bahan. Tinjauan ini telah dilakukan dalam kalangan pelajar berusia di antara 13 hingga 17 tahun mendapati tiga daripada empat remaja tersebut pernah mengambil dadah seawal usia 14 tahun (Muhammad Yusri, 2023). Penyalahgunaan bahan ini merangkumi inhalan (seperti gam dan cat), ketum, menghisap ganja, mengambil amphetamine, syabu dan minuman keras. Tinjauan ini turut mendapati remaja mudah mendapatkan dadah dengan membeli sendiri daripada pengedar dadah atau mendapatkan melalui rakan penagih. Dadah ini telah dibeli menggunakan sumber kewangan yang diperolehi daripada ibu bapa atau penjaga (Ilah Hafiz, 2023). Namun, seramai 14.9% responden menyatakan ketagihan kepada dadah telah membawa kepada aktiviti mencuri bagi mendapatkan sumber untuk membeli dadah.

Sekiranya remaja didapati bersalah terhadap aktiviti yang dinyatakan tadi, maka Mahkamah bagi Kanak-kanak boleh memerintahkan mereka ditempatkan di institusi-institusi seperti di Sekolah Henry Gurney, Sekolah Integrasi, Asrama Akhlak dan Sekolah Tunas Bakti untuk menjalani pemulihan. Peruntukan seksyen 65(1), Akta Kanak-kanak (Pindaan 2016) menetapkan Sekolah Tunas Bakti (STB) sebagai pusat pemulihan dan jagaan bagi kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah atau kanak-kanak tidak terkawal. Penempatan kanak-kanak di institusi ini adalah berdasarkan objektif untuk menerapkan sikap positif, membina keperibadian dan keterampilan diri yang baik, dan berupaya hidup berdikari. Sepanjang tempoh di institusi pemulihan, pelatih dikehendaki mengikuti program-program yang dilaksanakan untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan. Tempoh pemulihan di institusi ialah selama tiga tahun. Namun pelatih boleh dibebaskan sebelum tamat tempoh berkenaan sekiranya mendapat Kelulusan Kuasa Menteri atau Lembaga Pelawat setelah menjalani pemulihan melebihi tempoh setahun. Selaras dengan itu, artikel ini ditulis untuk meneliti pandangan pelatih yang sedang menjalani pemulihan tentang program-program yang dilaksanakan di institusi pemulihan.

2. Sorotan Literatur

Penempatan di STB adalah bagi kanak-kanak yang berusia di antara 10 tahun sehingga di bawah 18 tahun apabila didapati bersalah oleh Mahkamah Kanak-kanak. Penempatan ini adalah bertujuan untuk membolehkan remaja menjalani proses pemulihan di atas kesalahan yang telah mereka lakukan. Penempatan remaja di STB boleh disebabkan kesalahan yang kurang serius atau atas kesalahan pertama dengan penempatan pemulihan di Sekolah Henry Gurney atau di Sekolah Integriti. Program-program pemulihan di STB merangkumi keagamaan dan kerohanian (seperti ceramah, kelas bacaan Quran dan solat), kemahiran latihan vokasional (seperti jahitan dan kimpalan), bimbingan dan kaunseling (ceramah dan sesi kaunseling), dan aktiviti fizikal dan sosial seperti sukan dan riadah (Nursyahidah, Nurul Husna & Yusmini, 2020; Noor Hafizah & Fakhrul Adabi, 2014). Merujuk kepada program yang dilaksanakan, didapati aktiviti pemulihan yang dilaksanakan di institusi memfokuskan kepada pembinaan sahsiah menerusi program-program berunsurkan keagamaan bagi menyedarkan remaja tentang tindakan dan perbuatan yang tidak selaras dengan ajaran agama dan kehidupan

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

masyarakat. Manakala penerapan elemen kemahiran berupaya memberikan peluang kepada pelatih yang berkemungkinan menghadapi masalah untuk meneruskan aktiviti pembelajaran dan berjaya dalam bidang akademik. Aktiviti kemahiran yang ditawarkan ini membolehkan pelatih-pelatih mendapatkan Sijil Kemahiran Malaysia.

Mariam et al. (2023) telah menjalankan kajian kualitatif untuk meneliti pandangan para pekerja di institusi pemulihan tentang program-program pemulihan yang dilaksanakan. Kajian mendapati institusi mereka telah melaksanakan Modul Pemerkasaan Kerohanian yang menekankan kepada aspek kerohanian dan keagamaan. Tindakan ini adalah selaras dengan objektif penubuhan institusi pemulihan yang perlu memberi penekanan kepada pengukuhan aspek kerohanian dan keagamaan sebagai usaha untuk membentuk sahsiah yang baik dan jati diri remaja bagi mengelakkan mereka dari terus terjerumus dalam masalah sosial. Kandungan modul merangkumi pendedahan secara teori (seperti kelas aqidah, fekah, jawi dan tajwid, ceramah agama, dan tilawah al Quran), dan perlaksanaan secara amali (seperti kelas solat, bacaan al Quran, zikir, tahlil dan doa, qiamullail, puasa, sambutan Hari Maulud dan Maal Hijrah). Pelatih-pelatih didedahkan dengan modul ini sehingga selesai tempoh pemulihan. Modul ini telah dibina berdasarkan perbincangan di antara pihak pengurusan di institusi pemulihan dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Selaras dengan itu, perlaksanaan program turut dibantu oleh JAKIM dengan menyediakan tenaga pengajar yang terlatih dan bertauliah.

Kajian oleh Azizi et. al. (2010), cuba melihat keberkesanan program di pusat pemulihan akhlak di Taman Seri Putri Batu Gajah, Perak Dan Kompleks Dar-Assa'adah, Kuala Lumpur. Kajian kuantitatif yang dijalankan mendapati program keagamaan antara program yang paling memberi kesan kepada pelatih. Hal ini adalah disebabkan program-program yang dilaksanakan adalah sangat tersusun dan padat dengan program kerohanian dalam jadual harian pelatih. Pelatih-pelatih menyatakan antara program yang dilaksanakan adalah seperti program usrah, program berkonsep tarbiyah sentap, tazkirah dan qiamulail. Penerapan elemen kerohanian dan ilmu agama adalah penting bagi memastikan wujudnya pengetahuan dan meningkatkan keimanan pelatih supaya mereka berupaya membezakan tindakan yang betul dan salah dan menerapkan akhlak yang mulia. Pengkaji-pengkaji lain (seperti Muhammad Afif et al., 2019; Nurul Husna, 2016; Noor Hafizah & Fakhrul Adabi, 2014) turut mendapati pendidikan kerohanian yang diterapkan kepada pelatih-pelatih di institusi pemulihan memberi kesan positif dari segi peningkatan akhlak, akidah dan ibadat.

Pelatih-pelatih yang menjalani pemulihan diberikan peluang untuk memperolehi kemahiran bagi membolehkan mereka mendapat pekerjaan apabila keluar dari institusi. Untuk mencapai tujuan tersebut, Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur contohnya telah bekerjasama dengan Lembaga Pembangunan Industri Binaan dan Akademi Binaan dan untuk memberikan diploma dalam bidang binaan (Nadiah, 2018; Mariam et al., 2023). Tindakan ini penting untuk menaikkan semangat para perlatih untuk mempelajari ilmu dan mendapat kemahiran yang bersesuaian dengan keperluan semasa. Seiring dengan program-program pemulihan lain yang dilaksanakan di institusi, langkah ini juga secara langsung berupaya meningkatkan jati diri supaya pelatih-pelatih tidak lagi dengan mudah boleh terjerumus dalam masalah sosial apabila mereka keluar dari institusi kelak.

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

3. Metod Kajian

Penulisan ini adalah berdasarkan kajian kualitatif yang dilakukan di salah sebuah Sekolah Tunas Bakti kendalian Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) di Utara Semenanjung Malaysia. Kebenaran untuk menjalankan kajian telah diperolehi daripada JKMM dan pihak pengurusan STB. Kerjasama pihak STB diperolehi untuk mengenal pasti pelatih-pelatih yang memenuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan untuk dijadikan informan kajian. Kriteria-kriteria tersebut ialah: (i) pelatih sedang menjalani tempoh pemulihan, (ii) pelatih telah berada di institusi sekurang-kurangnya selama enam bulan, dan (iii) pelatih memberikan persetujuan termaklum *(informed consent)* untuk terlibat dalam kajian. Penyelidik telah menghasilkan garis panduan temubual dengan merujuk kepada kajian-kajian terdahulu seperti oleh Azizi et al. (2010), Azizi et al. (2015) dan Haslinda (2016). Temu bual berstruktur telah dijalankan dalam kalangan enam orang pelatih STB. Sebelum temu bual dijalankan. Persetujuan pelatih telah diperolehi untuk membolehkan penyelidik merakam temu bual untuk memastikan tiada kecicir an maklumat. Selepas temu bual dilakukan, transkripsi secara verbatim telah dihasilkan berdasarkan rakaman tersebut. Analisis data dilakukan dengan meneliti transkripsi tersebut untuk mengenal pasti tema-tema yang muncul dari temu bual. Kaedah *colour coding* dilakukan untuk memudahkan penyelidik membezakan tema-tema yang telah dikenal pasti.

4. Hasil Kajian

Bahagian ini menumpukan perhatian kepada dua aspek iaitu: (i) demografi informan kajian, dan (ii) meneliti perspektif informan tentang program-program pemulihan yang dilaksanakan di STB.

4.1. Demografi informan Kajian

Seramai enam orang informan lelaki terlibat dalam kajian ini. Semua adalah merupakan bangsa Melayu dan beragama Islam. Merujuk kepada Jadual 1, kesemua informan pernah melakukan salah laku di mana empat orang daripada mereka terlibat dengan masalah penyalahgunaan dadah dan melakukan kesalahan lain seperti mencuri, merompak, dan menceroboh (R2, R3, R4 dan R5).

Jadual 1: Jenis-jenis salah laku dan tempoh penempatan informan di institusi pemulihan

Informan	Jenis salah laku oleh informan	Salah laku yang membawa kepada penempatan di institusi	Tempoh berada di institusi
R1	Mencuri	Mencuri	2 tahun 5 bulan
R2	Menghisap dadah dan menceroboh	Memiliki dadah	2 tahun 1 bulan
R3	Menghisap dadah, merompak dan melakukan seks bebas	Memiliki dadah	2 tahun 3 bulan
R4	Menghisap dadah	Memiliki dadah	1 tahun 11 bulan
R5	Menghisap dadah, meragut, merompak dan mencuri	Memiliki dadah	2 tahun 8 bulan
R6	Ketagihan seksual dan pornografi	Merogol	2 tahun

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Keempat-empat informan ini diperintah oleh mahkamah untuk menjalani pemulihan di STB kerana memiliki dadah. Manakala dua orang informan lagi ditempatkan di STB kerana mencuri (R1) dan merogol (R6). Mahkamah telah menetapkan perintah pemulihan selama tiga tahun kepada semua informan. Semasa kajian dijalankan, seramai lima orang informan telah berada di institusi selama dua tahun dan lebih (R1, R2. R3. R5 dan R6). Manakala seorang lagi informan kajian iaitu R4 telah berada di institusi pemulihan selama 1 tahun 11 bulan.

4.2. Perspektif Informan Tentang Perlaksanaan Program-Program Pemulihan Di STB

Apabila dikemukakan soalan tentang program pemulihan yang dilaksanakan di STB, semua informan menyatakan terdapat Program Keagamaan, Program Kemahiran Latihan Vokasional dan Program Bimbingan dan Kaunseling (Jadual 2). Program pertama yang disuarakan oleh semua informan ialah Program Keagamaan. Aktiviti keagamaan yang mereka ikuti di institusi merangkumi pengajaran cara membaca al Quran, mengikuti ceramah-ceramah agama, dan melibatkan diri dalam pertandingan program keagamaan seperti qasidah, hafazan dan laungan azan yang dilakukan bersama-sama institusi-institusi pemulihan yang lain. Dua orang informan (R3 dan R5) turut menyatakan pernah terlibat dalam pertandingan bercorak keagamaan secara bersemuka dan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan akibat wabak Covid-19, mereka turut menyertai pertandingan secara atas talian.

Jadual 2: Program-program pemulihan yang dilaksanakan di STB

Tema-tema	Pandangan Informan
Aktiviti keagamaan dan kerohanian	*"Macam-macam aktiviti agama ada dekat sini. Contoh, baca al-Quran. Setiap hari ada kelas agama, Isnin sampai Khamis. Ada ustaz-ustaz datang dari luar. Kalau hari Jumaat ada buat bacaan Yassin" (R3)*
	"Program agama tu ada hafal Quran, azan, menyanyi lagu ketuhanan (nasyid), baca khutbah, lagi… tulisan khat dan pertandingan dan aktiviti agama dengan STB lain" (R5)
	"Sini belajar mengaji ada, belajar bacaan solat, wirid. Time bulan puasa memang banyak lah, setiap malam panggil ustaz luar" (R6)
Aktiviti bengkel	*"Setiap hari kami memang akan ada buat projek. Macam dekat pejabat ada (barang) yang rosak, kami baiki lah. Lepas tu kalau ada encik-encik yang suruh buat produk kami buat lah. Saya ambik kimpal, saya buat produk… buat rak kasut, meja, pasu bunga, pagar…saya buat." (R3)*
	"Saya ambil welding, lepas tu ada buat rak sejadah, ampaian, kerusi…tu la antaranya. Ada kelas dari hari Khamis sampai Jumaat. Pagi petang masuk bengkel kalau hari ada bengkel". (R6)
	"Saya ambil bengkel dapur. Macam-macam la saya dah belajar masak dekat sini". (R1)
	"Ada bengkel jahit sini… start jam 8 pagi, lepas tu jam 10 pagi berhenti rehat makan. 10.30 pagi tu sampai pukul 12 masuk balik. Pastu sambung pulak pukul dua sampai pukul empat". (R4)

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Aktiviti kaunseling dan motivasi	*"Saya dulu ada gak join temubual kaunseling dengan orang luar. Ada juga ceramah-ceramah motivasi. Akak-akak universiti depa mai buat program dulu" (R1)* *"Join kaunseling sekali ja la. Lepas tu takde jumpa dah. Tapi kalau ada masalah boleh jumpa". (R2)* *"Dulu ada buat sesi kaunseling…dalam sekali dua je macam tu". (R6)* *"Selalu budak baru ni yang ambik kaunseling. Yang baru masuk ke STB" (R4)*

Seterusnya, semua informan menyatakan mereka terlibat dalam Program Kemahiran Latihan Vokasional. informan menyatakan mereka boleh memilih dan mengikuti bengkel-bengkel yang ditawarkan di bawah program ini ialah seperti jahitan, kimpalan, masakan dan elektrik. Salah seorang informan (R4) menyatakan pihak pengurusan STB menyediakan jadual untuk mereka ikuti bengkel-bengkel setiap pagi sehingga petang. Informan turut memaklumkan pelatih-pelatih mempunyai projek yang boleh dilakukan setiap hari seperti boleh menghasilkan produk-produk tertentu seperti membuat rak, kerusi atau ampaian (R6) selain daripada berpeluang mereka untuk memperbaiki peralatan pejabat yang rosak (R3).

Informan juga melaporkan bagi Program Bimbingan dan Kaunseling, aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti program motivasi, kaunseling dan ceramah-ceramah kesedaran. Aktiviti-aktiviti ini dilaksanakan oleh kakitangan di Unit Bimbingan dan Kaunseling, dan kadang-kadang turut dilaksanakan dengan secara kerjasama dengan agensi dan pihak luar seperti program-program oleh pelajar-pelajar universiti.

Soalan seterusnya cuba mendapatkan pandangan informan tentang program pemulihan manakah yang lebih menarik untuk diikuti. Maklum balas informan kepada persoalan ini dipaparkan dalam Jadual 3. Seramai empat orang responden (R1, R2, R3 dan R4) berpandangan mereka merasa gembira mengikuti dua program yang dilaksanakan iaitu program keagamaan dan program kemahiran vokasional. Seorang lagi Informan (R6) menyatakan program bengkel vokasional lebih menarik. Mereka menyatakan Program Kemahiran Latihan Vokasional berjaya menarik minat dan perhatian kerana melalui bengkel-bengkel yang diikuti mereka mampu melaksanakan pelbagai projek yang menarik dan mencabar keupayaan mereka. Kemampuan menyelesaikan tugasan dan projek yang diberikan dan diarahkan oleh staf STB menghasilkan minat yang lebih mendalam untuk mengikuti bengkel-bengkel yang diaturkan oleh institusi.

Seorang informan (R5) menyatakan program agama lebih menarik berbanding program-program lain. Informan (R1, R2, R3, R4 dan R5) berpandangan aktiviti keagamaan yang dilaksanakan menarik kerana mereka memperolehi pengetahuan baru yang tidak diketahui sebelum mereka memasuki institusi dan boleh mendekatkan diri dengan Allah. Program-program ini secara langsung mengupayakan mereka mengetahui hukum-hukum agama, melaksanakan solat dan amal ibadah dengan lebih baik. R3 contohnya menyatakan aktiviti agama yang semasa berada di luar institusi dilihat sebagai aktiviti yang sukar untuk dilaksanakan, tetapi sekarang dikatakan mudah sebab telah dijadikan satu kebiasaan sehingga mampu menjadi imam solat berjemaah.

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)

Jadual 3: Pandangan responden tentang program yang mereka ikuti

Tema-tema	Pandangan Informan
Mendekatkan diri dengan Allah	*"Program agama la yang saya suka, sebab dia buat kita aah…lagi dekat.. dengan agama". (R2)*
	"Sekarang dah bersolat…selalu juga saya jadi imam...selalu tu imam Maghrib". (R3)
Pengetahuan baru	*"Program bantu saya dari segi pasal-pasal agama ni. Benda apa yang betul... apa yang tak betul. Dari situ saya boleh fikir ah"… (R1)*
	"Program agama ni…benda yang saya tak tahu jadi tahu. Macam benda susah buat. Dulu payah, tapi sekarang senang buat. Pernah juga jadi imam…selalu imam maghrib la". (R3)
	"Dapat pengetahuan yang lebih sikit pasal agama ni. Dulu duk luar banyak yang tak tahu. Solat, mengaji tak tahu. Masuk dalam ni, masuk kelas agama… saya macam dapat benda tu. Saya dapat baca al-Quran lancar. Lepas tu saya tahu bab-bab solat ni". (R4)
Hasilkan produk dan dapat kemahiran	*"Bengkel ni menarik…bila keluar nanti boleh sambung ahh…kiranya lepas keluar nanti tak payah susahlah nak cari kerja. Macam kalua nak buka kedai sendiri pun boleh sebab dah tahu apa yang nak dibuat". (R2)*
	"Bengkel juga, bestlah buat-buat produk. Benda saya tak tahu jadi tahu. Macam kita tengok kerusi bengkok… kita tahu macam mana nak straightkan. Pastu tahu macam mana nak kira angle-angle tu. Macam bulatan-bulatan dia. Saya sehari tak datang bengkel, rasa tak best". (R3)
	"Bengkel ni syok belajar buat produk-produk welding ni… syok macam tu laa. Bab-bab projek". (R4)
Minat/Menghilangkan bosan	*"Vokasional ni nak hilangkan bosan… macam saya tak rasa bosan sangat duduk sini". (R1)*
	"Saya sehari tak datang bengkel, rasa tak best". (R3)
	"Kalau saya program agama…macam program khalifah junior tu. Sebab saya suka mengaji, azan saya minat, saya masuk pertandingan dulu 2019 ada… lah ni buat video je. Saya baru ni ada masuk qasidah. Wakil STB Taiping. Setakat ni dah masuk dua kali". (R5)
	"Bengkel best… sebab saya minat benda-benda buat projek-projek ni.. buat rak, kerusi. Jadi best bila dah tahu nak buat tu". (R6)

Walau bagaimanapun, seramai tiga orang informan (R1, R3, R4) menyatakan program bimbingan dan kaunseling kurang menarik untuk diikuti. Antara alasan yang diberikan oleh informan tentang hal ini ialah mereka mendapati kaedah penyampaian yang digunakan oleh penceramah agak membosankan dan kurang menarik perhatian; seperti mereka hanya perlu mendengar apa yang dibicarakan dan duduk diam sahaja. Apabila ditanya tentang kekerapan mereka mengikuti sesi kaunseling, semua informan mengakui hanya sekali sahaja iaitu ketika mereka mula memasuki institusi. Semua informan juga tidak merujuk kepada kaunselor apabila menghadapi masalah dan lebih cenderung untuk menyelesaikan masalah sendiri atau berkongsi masalah tersebut dengan rakan-rakan. R4

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

terus terang menyatakan rasa kurang selesa apabila diminta untuk menceritakan masalah atau kisah dirinya semasa sesi kaunseling atau program-program motivasi sedang berlangsung. Namun begitu, informan (R1, R2, R5) menyatakan bahawa mereka sememangnya diberikan peluang untuk berjumpa dengan kaunselor apabila perlu.

5. Perbincangan dan Cadangan

Kajian mendapati dua program pemulihan yang dilaksanakan di STB berjaya menarik perhatian dan memberi kesan mendalam kepada informan. Program pertama ialah aktiviti keagamaan dan kerohanian seperti membaca al-Quran, bersolat, dan memahami rukun-rukan Islam. Program ini menyumbang kepada pencerahan ilmu agama kepada informan dan berupaya meningkatkan penghayatan terhadap agama sehingga ada dalam kalangan mereka yang mampu mengimamkan solat. Kejayaan memulihkan informan melalui program ini juga dapat dilihat apabila ada responden yang menyertai pertandingan-pertandingan yang dianjurkan di peringkat STB di seluruh Malaysia seperti hafazan dan Qasidah. Situasi ini nyata berbeza apabila dibandingkan dengan sebelum mereka diperintahkan oleh Mahkamah Kanak-kanak untuk menjalani pemulihan di STB kerana ada dalam kalangan mereka yang tidak tahu membaca al-Quran dan bersolat. Hasil kajian ini selaras dengan hasil kajian oleh Azizi, Sharin dan Jesmin (2010), Fauziah et al. (2012) dan Azizi et al. (2015) yang mendapati program keagamaan yang diikuti telah membantu responden meningkatkan kesedaran dalam diri dan memantapkan pengetahuan agama mereka.

Program kedua ialah Program Kemahiran Latihan Vokasional yang turut menyumbang kepada pengetahuan baru dan kesan positif kepada responden yang mengikuti bengkel-bengkel yang ditawarkan di STB seperti kimpalan, jahitan dan bakeri. Informan menyatakan rasa gembira apabila dapat melaksanakan dengan jayanya projek-projek yang diarahkan kepada mereka, contohnya menghasilkan rak dan memperbaiki perabot-perabot pejabat yang rosak. Penglibatan dalam aktiviti berbentuk kemahiran ini telah menjadikan mereka lebih kreatif, meningkatkan keyakinan dan sifat kerjasama untuk menyiapkan projek. Informan turut menyedari kemahiran yang diperolehi mereka di institusi berupaya membantu mereka mendapatkan pekerjaan apabila keluar kelak atau juga membuka bengkel sendiri. Penawaran pelbagai latihan kemahiran seperti kimpalan, masakan, elektrik, bakeri dan kelas jahitan memberikan pilihan kepada informan mengikuti aktiviti yang mereka minati. Penelitian ke atas kajian terdahulu seperti oleh Dayana Farzeeha et al. (2015) dan Hezzrin et al. (2016), dan Mariam et al. (2023) juga mendapati faktor-faktor seperti minat kepada sesuatu, kesedaran tentang pentingnya memiliki kemahiran, dan keyakinan diri semasa mengikuti bengkel-bengkel kemahiran memberi pengaruh besar kepada penglibatan aktif pelatih untuk program kemahiran yang dilaksanakan di institusi pemulihan.

Perkhidmatan kaunseling di institusi pemulihan berupaya memainkan peranan yang amat penting untuk memastikan perkembangan holistik pelatih. Sayangnya, dapatan kajian ini menunjukkan terdapat isu yang perlu diberikan perhatian oleh pihak pengurusan STB iaitu kurangnya minat pelatih untuk memanfaatkan perkhidmatan kaunseling. Keengganan pelatih untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling sebahagian besarnya adalah datang daripada persepsi bahawa perkhidmatan kaunseling yang diberikan tidak relevan dan aktivitinya membosankan. Malahan sebahagian besar informan menyatakan mereka hanya berjumpa sekali dengan kaunselor pada awal kemasukan ke STB. Walaupun menghadapi masalah, pelatih lebih selesa berbual dengan rakan-rakan.

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Salah satu pendekatan yang paling asas dan berkesan dalam meningkatkan penggunaan perkhidmatan kaunseling adalah melalui program kesedaran tentang peranan perkhidmatan kaunseling. Kajian yang dilakukan oleh Gallant dan Zhao (2011) mendapati individu yang memahami peranan perkhidmatan kaunseling dan faedah yang boleh diperolehi daripada perkhidmatan ini adalah lebih cenderung dan terbuka untuk menggunakan perkhidmatan tersebut. Oleh itu, usaha mengintegrasikan maklumat kaunseling dalam program orientasi bagi pelatih baru merupakan salah satu pendekatan yang boleh memberikan pendedahan dan mengubah persepsi pelatih terhadap perkhidmatan kaunseling di institusi. Pada masa yang sama, adalah amat penting untuk memastikan wujudnya hubungan terapeutik antara kaunselor dan pelatih-pelatih di institusi. Untuk mencapai tujuan tersebut, sewajarnya diwujudkan aktiviti sosialisasi bagi membolehkan pelatih-pelatih mengenali kaunselor dengan lebih baik, memperincikan peranan yang boleh dimainkan oleh kaunselor untuk membantu pelatih-pelatih menjalani pemulihan di institusi. Hubungan teraputik yang wujud antara kaunselor dan pelatih akan menghasilkan peningkatan kepercayaan pelatih dan kesediaan mereka untuk berkongsi masalah dan mendapatkan bantuan sepanjang proses pemulihan di institusi (Cochran & Cochran, 2015). Seterusnya, ia boleh menggalakkan pelatih untuk terus mendapatkan kaunseling dari kaunselor dan tidak hanya berdiam diri atau terus merujuk kepada rakan-rakan apabila menghadapi masalah.

Dapatan kajian menunjukkan informan berpandangan program kaunseling dan motivasi yang dijalankan agak kurang menarik. Oleh itu, selain daripada pendekatan yang lebih formal, penggunaan aktiviti yang menarik dalam kaunseling juga memainkan peranan penting dalam mengatasi keengganan pelatih mendapatkan perkhidmatan kaunseling. Melalui aktiviti seperti terapi *art*, kajian kes, atau bengkel kreatif, pelatih dapat melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran dan penerokaan diri. Penggunaan aktiviti yang menyeronokkan dalam sesi kaunseling dapat membantu mengurangkan rasa bosan dan meningkatkan motivasi pelajar untuk terlibat dalam intervensi-intervensi kaunseling yang disediakan untuk mereka (Kottman, et.al., 2001; Chen et al., 2017). Dalam konteks ini, pendekatan yang menggabungkan pembelajaran dan hiburan dapat mengekalkan minat pelatih dalam perkhidmatan kaunseling dan merangsang proses refleksi dan pertumbuhan diri.

Faktor kerahsiaan juga memainkan peranan penting dalam mempengaruhi minat pelatih untuk menggunakan perkhidmatan kaunseling. Pelatih perlu yakin bahawa apa yang mereka kongsikan dengan kaunselor adalah sulit dan terjamin kerahsiaannya. Menurut penelitian oleh Sivis-Cetinkaya (2019), persepsi terhadap privasi dan kerahsiaan dalam sesi kaunseling memainkan peranan yang penting dalam mengukuhkan hubungan dengan kaunselor. Oleh itu, pihak STB perlu memastikan bahawa prosedur dan garis panduan kerahsiaan dijelaskan dengan teliti kepada pelatih untuk memberi keyakinan kepada mereka dalam menggunakan perkhidmatan kaunseling yang disediakan. Selain itu, pihak kaunselor juga bertanggungjawab untuk menerangkan apakah limitasi kerahsiaan yang telah ditetapkan oleh Lembaga Kaunselor seawal sesi pertama supaya pelatih sedar dan faham apakah situasi-situasi tertentu yang membolehkan kaunselor berkongsi maklumat mereka kepada pihak ketiga.

Memberikan pengiktirafan kepada pelatih yang menggunakan perkhidmatan kaunseling atau yang telah mencapai kemajuan dalam perkembangan kendiri adalah satu lagi strategi yang boleh diterapkan oleh kaunselor. Pengiktirafan terhadap usaha dan pencapaian pelatih dalam sesi kaunseling ini bukan hanya memotivasikan mereka untuk terus menggunakan perkhidmatan kaunseling, tetapi juga membina rasa keyakinan dan

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

harga diri. Pihak pengurusan institusi atau kaunselor boleh memberikan penghargaan samada secara verbal atau bertulis kepada pelatih untuk mengiktiraf dan menghargai usaha mereka dalam memperbaiki dan membangunkan diri. Kaedah ini secara tidak langsung boleh menggalakkan pelatih untuk mendapatkan khidmat kaunseling.

Selain daripada pelatih, pihak pengurusan dan kauselor juga boleh memfokuskan kepada ibu bapa untuk memainkan peranan yang signifikan dalam membentuk sikap dan pandangan pelatih terhadap perkhidmatan kaunseling. Brigman et al. (2021) berpendapat bahawa melibatkan ibu bapa dalam proses kaunseling dapat meningkatkan pemahaman mereka tentang kepentingan kaunseling dan memberikan sokongan berterusan kepada pelatih. Oleh itu, dari semasa ke semasa pihak pengurusan institusi boleh menganjurkan pertemuan di antara kaunselor dengan ibu bapa, atau mengadakan sesi maklumat khas untuk ibu bapa memberi pandangan dan mendapatkan maklumat yang lebih jelas tentang perkhidmatan kaunseling yang disediakan.

6. Kesimpulan

Penulisan ini memperincikan pandangan enam orang pelatih yang mengikuti program pemulihan di STB. Kajian mendapati mereka selesa dan gembira mengikuti dua program pemulihan yang dijalankan di STB iaitu Program keagamaan dan kerohanian dan Program Latihan Kemahiran Vokasional. Informan berpandangan kedua-dua program ini berjaya menarik minat mereka kerana telah mendedahkan ilmu baru, berupaya mendalami ilmu dan meningkatkan kemahiran yang mereka tidak miliki sebelum memasuki STB. Keadaan ini secara langsung menyumbang kepada perubahan diri apabila berada di institusi pemulihan. Namun, informan berpandangan program kaunseling dan motivasi didapati kurang menarik perhatian mereka dan membosankan. Perbincangan di atas telah mengemukakan beberapa cadangan untuk menambahbaikkan program kaunseling seperti mewujudkan hubungan baik antara kaunselor dan pelatih, melaksanakan program-program bimbingan dan kaunseling yang menarik berupaya menarik minat dan menggalakkan pelatih-pelatih STB untuk berurusan dengan kaunselor apabila menghadapi sebarang masalah atau berbincang mengenai hala tuju mereka apabila keluar dari STB. Penempatan di institusi selama tempoh tiga tahun bukanlah merupakan satu jangka masa yang singkat. Oleh itu, sewajarnya pelatih-pelatih memanfaatkan sebaik mungkin program-program pemulihan yang dilaksanakan bagi memastikan keberkesanan penempatan mereka di institusi pemulihan**.**

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika penyelidikan yang telah ditetapkan oleh Universiti Utara Malaysia. Kebenaran dan persetujuan untuk turut serta dalam kajian telah diperolehi daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih diucapkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia yang memberi kebenaran kepada kami untuk melakukan kajian ini. Terima kasih juga diucapkan kepada pihak pengurusan Sekolah Tunas Bakti dan kesemua informan yang memberikan kerjasama yang baik dalam melancarkan proses pengumpulan data kajian ini.

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang bantuan kewangan atau tajaan daripada mana-mana pihak.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Sepanjang kajian ini dijalankan, tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarangan atau penerbitan kajian ini dilaporkan.

Rujukan

Astro Awani (20 Disember 2022). Kes jenayah juyana di Pulau Pinang membimbangkan. *Astro Awani*. https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kes-jenayah-juvana-di-pulau-pinang-membimbangkan-397870

Azizi Yahaya, Mohd Anuar Abd Rahman & Abdul Rahim Hamdan (2015). Keberkesanan pusat perlindungan wanita bagi membantu proses pemulihan. *Journal of Social Sciences and Humanities, 22*(1), 1-9.

Azizi Yahaya, Sharin Hashim & Jesmin Abd Wahab (2010). *Keberkesanan program-program pemulihan tingkahlaku di Taman Seri Putri Batu Gajah dan Komplek Dar-Assa'adah*. (pp1-16). http://eprints.utm.my/id/eprint/10617/

Brigman, G., Villares, E., Mullis, F., Webb, L. D., & White, J. F. (2021). *School counselor consultation: Skills for working effectively with parents, teachers, and other school personnel*. John Wiley & Sons.

Chen, J. W., Thompson, L. P., & Garcia, M. R. (2017). Engaging High School Students Through Interactive Counseling Activities: A Mixed-Methods Study. *Journal of Counseling Psychology*, *64*(2), 145-158

Cochran, J. L., & Cochran, N. H. (2015). *The heart of counseling: Counseling skills through therapeutic relationships*. Routledge.

Dayana Farzeeha Ali, Muhammad Rashid Rajuddin, Mohd Safarin Nordin, Ahmad Firdaus & Ahmad Farid Ahmad Nordin (2009). *Program Latihan Kemahiran Vokasional terhadap pelatih-pelatih lelaki Sekolah Henry Gurney Telok Mas, Perak*. Persidangan Kebangsaan Penyelidikan dan Inovasi dalam Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional (pp. 1-8). Skudai Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

Fauziah Ibrahim, Norulhuda Sarnon, Khadijah Alai, Mohd Suhaimi Mohamad, Noremy Md Akhir, & Salina Nen. (2012). Memperkasa pengetahuan agama dalam kalangan remaja bermasalah tingkahlaku: Ke arah pembentukan akhlak remaja Sejahtera. *Journal of Social Sciences and Humanities*, *7*(1), 84-93.

Gallant, D., & Zhao, J. (2011). High School Students' Perceptions of School Counseling Services. *Counseling Outcome Research and Evaluation*, *2*, 100 - 87. https://doi.org/10.1177/2150137811402671.

Harapan Daily. (5 Julai 2023). Jenayah rogol di Kelantan membimbangkan, libatkan reamaja seawal 12 tahun. https://harapandaily.com/jenayah-rogol-di-kelantan-membimbangkan-libatkan-remaja-seawal-12-tahun/

Haslinda Masian (2016). Keberkesanan modul kerohanian pemulihan akhlak remaja di Baitul Ehsan, Daerah Sabak Bernam. *Proceedings of the International Conference on Education Towards Global Peace*. Kulliyah of Education, International Islamic University Malaysia. http://www.iium.edu.my/capeu2016/wp-content/uploads/2017/02/017.pdf

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Hezzrin Mohd Pauzi, Nor Jana Saim, Norulhuda Sarnon @ KuSenin & Mohammad Rahim Kamaluddin (2016). Faktor-faktor perlaksanaan program -program pemulihan akhlak yang berkesan untuk pesalah kanak-kanak. *Journal of Social Sciences and Humanities*, *11*(2), 23-36.

Ilah Hafiz Aziz (31 Mei 2023). 'Harga mampu milik' cetus ketagihan dadah kalangan remaja. *BH Online*. https://pre-www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/05/1108475/harga-mampu-milik-cetus-ketagihan-dadah-kalangan-remaja

Kottman, T., Ashby, J. S., & DeGraaf, D. (2001). Adventures in guidance: How to integrate fun into your guidance program. *American Counseling Association*, 5999 Stevenson Ave., Alexandria, VA 22304-3300.

Mariam Abd Majid, Nurzatil Ismah Azizan, Noor Hafizah Mohd Haridi, Noraini Mohamad, Abur Hamdi Usman, Zainab Ismail & Aisyah Humairak Abdul Rahman (2023). Program pemulihan akhlak remaja delinkuen di pusat pemulihan akhlak kelolaan Jabatan Penjara Malaysia dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. *Jurnal Pengajian Islam*, *16*(1), 22-41.

Mohamad Hisyamuddin Ayub (15 Mei 2023). Jenayah seksual pelajar di Selangor meningkat. *Sinar Harian*. https://www.sinarharian.com.my/article/258630/berita/semasa/jenayah-seksual-pelajar-di-selangor-meningkat

Mohd Faizal Hashim. (2 Disember 2020). Tren jenayah remaja dan kanak-kanak membimbangkan. *Utusan Malaysia*. https://www.utusan.com.my/berita/2020/12/trend-jenayah-remaja-dan-kanak-kanak-membimbangkan/

Muhammad Afif Rosli, Muhammad Talhah Ajmain, Sharul Fitry Abdul Majid & Muhammad Na'im Iman Zulkifly. (2019). *Pengaruh Hassan Al Banna dalam pembentukan jati diri muslim.* Proceedings of ISPC. School of Education, Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Teknologi Malaysia.

Muhammad Yusri Muzamir (30 Mei 2023). 60,000 remaja negara ini dikenalpasti terjebak penyalahgunaan dadah. *BH Online*. https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/05/1108080/60000-remaja-negara-ini-dikenalpasti-terjebak-penyalahgunaan-dadah

Nadiah Jamlus. (8 November 2018). Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi sasar pelajar raih diploma. Selangor Kini. https://selangorkini.my/2018/11/sekolah-tunas-bakti-sungai-besi-sasar-pelajar-raih-diploma/.

Noor Hafizah Mohd Haridi & Fakhrul Adabi Abd. Kadir. (2014). Program Agama di Institusi Pemulihan Akhlak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM): Analisis perlaksanaan. *Jurnal Kemanusiaan, 12*(2), 1-22.

Nursyahidah Ibrahim, Nurul Husna Mansor & Yusmini Md Yusoff (2020). Bentuk-bentuk pemulihan akhlak bagi pesalah seks di Malaysia. *Jurnal Usuluddin*, *48*(2), 1-23. https://doi.org/10.22452/usuluddin

Nurul Husna Mansor (2016) *Modul keagamaan untuk remaja hamil luar nikah di pusat perlindungan wanita di Selangor: Kajian pelaksanaan dan masalah*. [PhD thesis], University of Malaya.

Sivis-Cetinkaya, R. (2019). Confidentiality of adolescent risk-taking behaviors: A survey of Turkish school counselors. *Ethics & Behavior*, *29*(6), 459-472.

© 2024 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).